

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JTP 357 – Pengurusan Antarabangsa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA (5) soalan. Jawab SOALAN 1 yang diwajibkan di Bahagian A dan jawab mana-mana EMPAT (4) soalan daripada Bahagian B.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

BAHAGIAN A: Soalan wajib.

1. Sebagai seorang Pengurus Operasi Antarabangsa anda dikehendaki mengembangkan perniagaan di peringkat global. Senaraikan perkara-perkara yang perlu anda pertimbangkan bagi menentukan lokasi perniagaan. Bincangkan jenis pemilikan yang ingin anda cadangkan kepada Lembaga Pengarah dalam usaha mengembangkan perniagaan di luar negara.

[40 markah]

BAHAGIAN B: Jawab EMPAT (4) soalan.

2. Terangkan erti perundingan dan bincangkan langkah-langkah yang melibatkan proses perundingan.

[15 markah]

3. Terdapat beberapa jenis struktur organisasi yang boleh digunapakai bagi menangani cabaran operasi di peringkat global. Terangkan jenis-jenis struktur organisasi tersebut.

[15 markah]

4. Terangkan faktor utama yang mempengaruhi sama ada pembuatan keputusan akan terpusat (centralized) atau terpecah (decentralized).

[15 markah]

5. Bincangkan perbezaan di antara kepimpinan transformasional dan transaksional.

[15 markah]

6. Terangkan perkara yang menjadi isu dalam pakej kompensasi dalam pengurusan antarabangsa.

[15 markah]